

AKTIVITI JUNGLE TREKKING MERAPATKAN HUBUNGAN WARGA MTU/MPOU

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4547-aktiviti-jungle-trekking-merapatkan-hubungan-warga-mtu-mpou

KUALA LUMPUR, 20 Feb 19 – Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU) telah menganjurkan aktiviti *Jungle Trekking* di Kemensah Ulu Klang yang turut melibatkan warga Markas Tentera Udara (MTU).

Aktiviti yang bermula pada jam 3.00 petang ini disertai seramai 50 pegawai dan anggota MTU/MPOU termasuk Jurulatih Jasmani dan anggota perubatan dari Institut Perubatan Penerbangan (IPP).

Pendakian yang mengambil masa kira-kira 40 minit menuju ke Air Terjun Sofea Jane berjalan dengan lancar tanpa mengalami sebarang kecederaan walaupun keadaan jalan ketika itu agak licin dan curam.

Aktiviti yang dijalankan ini bukan sahaja menguji kecerdasan setiap warga MTU/MPOU malah ianya juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama pegawai dan anggota yang hadir.





